



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832545
Faks : 603-88895542
E-mail : ismailmerican@moh.gov.my

No. Ruj. : KKM 87/A4/6-6/0 (28)

Tarikh : 13 Oktober 2008.

Semua Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri

Semua Pengarah Institusi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Pusat Perubatan Universiti Malaya

Pengarah
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengarah
Hospital Universiti Sains Malaysia

Y. Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 15/2008:
PENGUNAAN NAMA PENUH DAN NOMBOR PENDAFTARAN DIBAWAH
AKTA PERUBATAN 1971 OLEH PENGAMAL PERUBATAN BERDAFTAR
DI DALAM URUSAN RASMI**

1. TUJUAN:

1.1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan penggunaan nama penuh dengan nombor pendaftaran dibawah Akta Perubatan 1971 oleh pengamal perubatan berdaftar di dalam urusan rasmi.

2. LATARBELAKANG:

2.1. Dewasa ini, penggunaan gelaran 'doktor' atau singkatan 'Dr.' begitu berleluasa sekali.

2.2. Selain perubatan, graduan dari beberapa bidang pengajian lain seperti veterinar, pergigian dan juga doktor falsafah juga turut menggunakan gelaran tersebut.

- 2.3. Disamping itu, bidang pengajian yang formal dan diiktiraf oleh kerajaan dan juga badan-badan pelesenan seperti di perenggan 2.2., 'graduan' dari pelbagai bidang pengajian dari dalam dan juga luar negara yang diragui kesahihannya juga turut menggunakan gelaran 'Dr.' bagi menjalankan pelbagai aktiviti licik. Bagi menyukarkan dikesan pihak berkuasa, mereka menggunakan nama yang disingkatkan.
- 2.4. Gejala mendorong orang lain mempercayai bahawa beliau adalah seorang profesional yang berdaftar dan berkelayakan untuk mengamal profesion tersebut bukan sahaja ujud di dalam dunia perubatan bahkan juga melibatkan profesion-profesion lain.
- 2.5. Bagi membendung penyelewengan sebegini, sesetengah profesion mewajibkan penggunaan nombor pendaftaran di dalam semua urusan rasmi.

3. PERKARA YANG DIMAKLUMKAN

- 3.1 Seksyen 32 Akta Perubatan 1971 menetapkan bahawa tiap-tiap orang yang mendapatkan atau cuba mendapatkan dengan cara tipu supaya dirinya atau mana-mana orang lain didaftarkan dengan membuat atau mengemukakan, atau menyebabkan dibuat atau dikemukakan, sesuatu pernyataan atauakuan palsu atau tipu, sama ada secara lisan atau bertulis, adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.
- 3.2 Antara perkara yang ditakrif boleh mendorong seseorang mempercayai individu tersebut pengamal perubatan berdaftar digariskan dibawah seksyen 33(1)(a) hingga (c) Akta Perubatan 1971 seperti berikut:

'(1) Seseorang yang tidak didaftarkan atau tidak dikecualikan daripada pendaftaran dibawah Akta ini yang-

- (a) bersengaja dan dengan palsu berpura-pura sebagai didaftarkan di bawah Akta ini atau sebagai berkelulusan menjalankan amalan perubatan atau pembedahan; atau*
- (b) bersengaja dan dengan palsu memakai atau menggunakan nama atau titel seorang tabib, doktor, doktor perubatan dan pembedahan, sarjana muda perubatan dan pembedahan, doktor bedah, pengamal am atau tukang ubat; atau*
- (c) bersengaja dan dengan palsu memakai atau menggunakan sesuatu nama, titel, tambahan atau perihal yang memberi faham bahawa dia adalah didaftarkan dibawah Akta ini atau bahawa dia diiktiraf di sisi undang-undang sebagai tabib atau doktor bedah atau siswazah perubatan dan pembedahan dalam perubatan atau seorang tukang ubat;'*

3.3 Seksyen 33(2) pula menjelaskan:

'(a) pemakaian atau penggunaan oleh seseorang akan perkataan 'dokter' atau 'klinik' atau 'dispensari' atau 'hospital' atau sesuatu perkataan yang bersamaan dengan perkataan itu dalam sesuatu bahasa lain berhubungan dengan menjalankan amalan perubatan atau pembedahan hendaklah disifatkan sebagai pemakaian atau penggunaan akan sesuatu nama, titel, tambahan atau perihal yang dimaksudkan untuk mendorong seseorang mempercayai bahawa dia berkelulusan menjalankan amalan perubatan atau pembedahan mengikut kaedah-kaedah sains yang moden'

3.4 Bagi mereka yang sabit diatas kesalahan mengelirukan orang ramai ekoran penyalahgunaan atau pemakaian nama atau titel 'Dr.', seksyen 35 Akta Perubatan 1971 menetapkan:

*'(1) (a) bagi kesalahan pertama, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit; dan
(b) bagi kesalahan kali kedua atau kali kemudian, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau di dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya;
(2) Berkenaan dengan sesuatu kesalahan yang berterusan orang itu boleh dikenakan penalti selanjutnya sebanyak lima puluh ringgit bagi tiap-tiap satu hari kesalahan itu diteruskan sebagai tambahan kepada penalti di bawah subseksyen (1) (a) dan (b) itu masing-masing.'*

3.5 Seringkali, Majlis Perubatan Malaysia (MPM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerima pertanyaan berkaitan kesahihan sijil cuti sakit dan laporan perubatan serta pendaftaran pengamal perubatan. Namun, ekoran ketiadaan nama penuh serta maklumat lain individu berkenaan, pengesahan tidak dapat dilaksanakan. Ini bukan sahaja menjejaskan imej dan kredibiliti MPM dan juga KKM tetapi menyulitkan pihak pemohon maklumat tersebut.

3.6 Penyamaran dan penipuan ini juga mendatangkan pelbagai implikasi negatif. Selain pelbagai kemudatan dan kesengsaraan kepada orang ramai, kewibawaan pengamal perubatan berdaftar menjadi tergugat, kualiti perkhidmatan kesihatan akan merosot, penjagaan kesihatan pesakit terjejas dan kesihatan orang ramai akan terancam. Seterusnya, dikhuatiri keadaan ini juga akan memberi impak negatif kepada industri kesihatan pelancongan negara.

3.7 Menyedari keperluan membendung gejala sebegini dari terus berleluasa, MPM yang bersidang pada 10 September 2008 lalu memutuskan semua pengamal perubatan yang berdaftar penuh perlu menggunakan **nama penuh** serta memasukkan nombor **Perakuan Pendaftaran Penuh** di dalam semua urusan

rasmi mereka berkuatkuasa **01 Januari 2009**. Ini merangkumi penggunaan cop nama dan kad panggilan.

- 3.8 Bagi pengamal yang hanya berdaftar sementara dibawah seksyen 16 Akta Perubatan 1971, mereka boleh menggunakan nombor **Perakuan Amalan Sementara**. Namun, mereka masih perlu menggunakan **nama penuh**.
- 3.9 Bagi pengamal perubatan yang belum berdaftar penuh, mereka boleh menggunakan nombor **Perakuan Pendaftaran Sementara** semasa menjalani latihan siswazah dan mereka masih terikat menggunakan **nama penuh**. Walaubagaimanapun golongan ini samasekali tidak dibenarkan memperakukan sebarang dokumen rasmi seperti sijil cuti sakit, laporan perubatan, sijil kematian dan sebagainya kerana ini adalah bertentangan dengan seksyen 27 Akta Perubatan 1971 yang termaktub seperti berikut:

'27. Tiada sesuatu perakuan atau sesuatu surat lain yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang bertulis supaya ditandatangani oleh seseorang pengamal perubatan yang berkelulusan dengan sepatutnya dan yang diberi selepas Akta ini mula berkuatkuasa boleh menjadi sah melainkan jika ditandatangani oleh seorang pengamal perubatan berdaftar penuh.'

- 3.10 Berdasarkan nama penuh dan nombor pendaftaran seseorang pengamal perubatan, orang ramai boleh mengesahkan pendaftaran mereka dengan melayari laman web MPM di alamat: <http://mmc.gov.my/> pada bahagian *Medical Register*.
- 3.11 Diyakini pendekatan sebegini akan dapat mengurangkan gejala penyamaran dan penipuan oleh individu yang tidak berkelayakan dan bertanggung-jawab mengguna gelaran 'Dr' bagi menjalankan pelbagai aktiviti licik.

4. PELAKSANAAN/TINDAKAN

- 4.1. Adalah menjadi tanggung-jawab setiap Ketua Jabatan untuk:
- Memaklumkan pelaksanaan Pekeliling ini kepada semua pengamal perubatan berdaftar dibawahnya;
 - Membekal cop nama (atau *rubber stamp*) yang mengandungi butiran nama penuh berserta nombor pendaftaran dibawah Akta Perubatan 1971 kepada semua pengamal perubatan berdaftar dibawahnya; dan
 - Memastikan semua pengamal perubatan berdaftar menggunakan nama penuh dengan nombor pendaftaran dibawah Akta Perubatan 1971 di dalam semua urusan rasmi berkuatkuasa **01 Januari 2009**.

5. PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

5.1. Pelaksanaan Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa pada **01 Januari 2009**.

6. PERTANYAAN:


6.1. Sebarang pertanyaan mengenai Pekeliling ini boleh dirujuk kepada:

Setiausaha,
Majlis Perubatan Malaysia,
Aras 2, Blok E-1, Blok E,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62518 PUTRAJAYA.

No. Tel : 03 8883 1400 atau 1410
No. Fax : 03 8883 1406
E-mail : admin@mmc.gov.my

Sekian. Terima kasih.

Yang ikhlas,



TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN - 15/2008

Pengarah Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha
Majlis Perubatan Malaysia